

HATI

EDITOR: NORLAILA HAMIMA JAMALUDDIN
TEL: 1-300-22-6787 SAMB: 8269
FB: HATI METRO
IG: @hatimetro

TAMBAH KEMAHIRAN IKUT ZAMAN

Emy boleh
berbangga
apabila
pengurusan
acara
antarabangsa
mula percaya
kebolehan
dan komitmen
diberikan

Intan Mas Ayu Shahimi
imas@metro.com.my

Sejak memulakan karier sebagai pramugari di Malaysia Airlines (MAS), wanita ini tidak pernah berhenti mengilap bakatnya dengan menceburi pelbagai bidang pekerjaan lain yang dirasakan mencabar. Lima tahun terbang di awan, Emy Yuzliza Yahya kemudian beralih ke syarikat perkapalan antarabangsa, MISC Berhad. Di situ, dia menggalas tanggungjawab menjaga kira-kira 4,000 anak kapal.

Kata Emy, dia sentiasa komited apatah lagi perjalanan kariernya sejak dulu seiring dengan minat dalam bidang pembangunan manusia. Malah, dia juga sanggup menyambung pengajian pada 2011 di peringkat Ijazah Sarjana Pembangunan Manusia di Universiti Putra Malaysia (UPM) semata-mata untuk mencedok lebih banyak ilmu.

"Bidang ini adalah minat saya sejak dulu lagi. Jadi, boleh dikatakan tidak jauh bezanya kerjaya saya seawal menjadi pramugari dulu hinggalah memiliki perniagaan sendiri sekarang. "Cuma, saya perlu menambah kemahiran baharu dari semasa ke semasa mengikut peredaran zaman. Kemahiran teknologi umpamanya, dulu penggunaan media sosial tidak serancak hari ini. Namun sekarang, saya perlu pastikan diri sentiasa relevan dengan perubahan sekeliling," katanya.

Bercerita lanjut, anak kelahiran Selangor ini sebenarnya sudah berkahwin dan mempunyai tiga cahaya mata. Sebelum berkecimpung dalam dunia perniagaan, dia tidak jemu mengutip pengalaman dan ilmu berharga di beberapa syarikat gergasi termasuk YTL Berhad.

"Sekarang, saya mencurahkan 100 peratus komitmen terhadap syarikat milik sendiri. Moslema In Style adalah jenama pertama di bawah syarikat saya, Prominent Syntax Sdn Bhd. Ia ditubuhkan pada 2012, khusus mengenai pengurusan acara yang memfokuskan kepada fesyen Muslimah ketika itu.

"Pada masa sama, ia juga menjadi platform terbaik buat pereka Muslimah dan jenama tempatan untuk mengukuhkan lagi profil mereka di pentas peragaan di dalam dan luar negara," katanya.



EMY (kiri) di pentas anugerah

BISNES BUKAN ASING

Jelas Emy, pada awalnya dia tidak bercadang memiliki syarikat sendiri. Tetapi, akhirnya terjebak selepas membantu seorang rakannya menguruskan acara sekitar 2012.

"Masa itu, saya sedang melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah sarjana. Sahabat saya ini mempunyai butik fesyen Muslimah dan ingin mengadakan pertunjukan fesyen. Dari situ, saya menyusun idea dan perancangan sebelum ia berkembang hingga tertubuhnya syarikat pengurusan acara milik sendiri.

"Kalau hendak dibandingkan, pengurusan acara bukanlah asing bagi saya kerana sewaktu berkhidmat di MISC, saya bertanggungjawab menjalankan acara bagi syarikat itu. Saya memegang amanah sebagai ketua pasukan untuk menjalankan acara terbesar membabitkan ketua pegawai eksekutif dan juga anak kapal, tanpa

mengira jawatan. Nah, di situlah saya banyak belajar ilmu pengurusan acara.

"Oleh itu, tamat saja pengajian, saya memutuskan untuk memulakan perniagaan. Saya meminati bidang perkhidmatan yang memerlukan berhubung dengan ramai orang.

"Dalam bidang pengurusan acara, saya cukup berpuas hati apabila dapat melihat raut wajah gembira pelanggan jika majlis berjalan lancar. Secara peribadi, saya anggap itu sebahagian kejayaan diri," katanya.

Katanya, ibu bapa memang tidak bersetuju dengan pilihannya menceburi bidang perkhidmatan. Namun, selepas dibuktikan kemampuannya dan kesungguhannya untuk menyinar cemerlang, kedua-dua orang tua Emy akhirnya memberi sokongan tidak berbelah bahagi.

"Suami paling banyak memberi dorongan dan sokongan sejak mula dulu hinggalah ke hari ini.



Saya percaya, walau di mana sekalipun kita berkhidmat, menggalas tanggungjawab, merangka strategi dan hala tuju syarikat, cabaran tetap ada untuk diselesaikan

EMY

Syukur, dengan doa restu mereka, banyak pintu rezeki terbuka luas. Saya dapat bersama keluarga bila-bila diperlukan dan paling penting berupaya meluangkan masa bersama anak tanpa perlu risau untuk 'punch card'.



BERSAMA kakitangan

"Cuma, untuk sampai ke tahap yang berjaya saya capai hari ini, ia mengambil masa yang sangat lama. Ada yang pahit, ada juga manis tetapi saya gembira dengan perjalanan yang saya pilih ini.

"Kesukaran pada peringkat awal itu dirasa apabila perniagaan kita mengkhususkan kepada bidang fesyen Muslimah saja. Agak sukar saya mendapatkan kepercayaan pengusaha butik mahupun pereka fesyen tempatan. Mereka semua kurang yakin dan percaya dengan kemampuan saya.

"Bagaimanapun, saya percaya hidup ini tidak bergantung sepenuhnya pada reaksi dan cakap-cakap orang saja. Saya kuatkan semangat dan tanam rasa percaya buat diri sendiri untuk pergi lebih jauh," katanya yang nekad membawa jenama milik sendiri ke pentas antarabangsa. "Kata Emy, dia menjalin kerjasama dengan syarikat pengurusan acara antarabangsa di Indonesia pada 2014 dan 2015. Melalui jenama Moslema In Style juga, wanita ini melebarkan jaringan dan kerjasama dengan menjadi syarikat pertama melakukan kerjasama dalam industri fesyen dengan syarikat pengurusan acara di United Kingdom.

"Alhamdulillah, syarikat saya mendapat liputan yang amat luas. Pengurusan acara antarabangsa mula mempercayai kebolehan dan komitmen yang saya berikan. Dari situ kami mula berkembang ke beberapa negara lain, termasuk Turki, Sepanyol, Dubai, Moscow

dan Jepun. "Kejayaan yang paling manis adalah apabila kami menjadi satu-satunya syarikat yang bekerjasama dengan Arab Fashion Council. Mereka adalah pihak yang bertanggungjawab menjalankan acara Arab Fashion Week, satu acara yang sangat gah dan berprestij.

"Saya amat bersyukur dan berbangga kerana terpilih menjadi sebahagian daripada mereka. Bahkan ada ramai pemilik jenama yang gah di Malaysia dan luar negara kini semakin percaya kepada cara pengurusan kita," katanya.

BERDEPAN LUMBAH

Adar orang berniaga, pasti ada pasang surutnya. Ketika ekonomi kurang memberangsangkan, Emy mula berasakan tempas dan impak negatif dunia peragaan serta perniagaan.

"Tahun lalu, saya memutuskan untuk menubuhkan syarikat kedua, Agensi Pekerjaan Engage People Sdn Bhd. Syarikat ini lebih banyak berkait dengan kebolehan dan minat saya.

"Ia menawarkan perkhidmatan merekrut pekerja untuk majikan atau syarikat di Malaysia yang ingin mendapatkan pekerja tempatan bagi tahap pengurusan dan ke atas. Menariknya, agensi ini berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja.

"Hari ini tidak kira sesibuk mana sekalipun, komitmen utama sudah beralih kepada keluarga. Kemudian, saya juga sudah memasang cita-cita untuk menyambung pengajian dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia ke peringkat PhD," katanya.

Kata Emy, dia kini semakin matang biarpun tidak henti berdepan cabaran. Tanpa cabaran sukar, dia percaya tidak mungkin dapat mengaut banyak ilmu berguna sehingga ke hari ini.

"Saya percaya, walau di mana sekalipun kita berkhidmat, menggalas tanggungjawab, merangka strategi dan hala tuju syarikat, cabaran tetap ada untuk diselesaikan. Saya pernah ditugaskan memantau perkembangan syarikat. Bukan mudah memastikan syarikat beroperasi dalam keadaan optimum. Ia memerlukan komitmen tinggi.

"Cabaran besar bagi saya dalam bidang pengurusan acara adalah meyakinkan usahawan Bumiputera, khususnya bahawa produk Malaysia berpotensi untuk dipasarkan ke luar negara. "Dalam bidang agensi pekerjaan, persaingan memang hebat. Namun saya sangat yakin kami boleh pergi jauh dan mampu sebaris dengan agensi pekerjaan yang sudah lama bertapak. Apalagi, syarikat kami 100 peratus Bumiputera," katanya.

BERSYUKUR

Melihat kembali kejayaan yang dimiliki kini, Emy tidak henti mengucap syukur. Kejayaannya berulang setiap kali pelanggan berpuas hati dengan khidmat yang diberi. Lebih daripada itu, dia amat bersyukur jika apa yang dilakukan dapat menambah nilai dalam kehidupan dan perniagaan orang lain.

"Sebagai wanita, saya berbangga dengan pencapaian golongan Hawa hari ini. Saya percaya di sebalik kejayaan seorang isteri adanya seorang suami yang hebat. Tanpa restu suami siapalah isteri.

"Sepanjang tempoh ini, banyak pengorbanan terpaksa dilakukan. Jadual padat dengan acara pertunjukan fesyen khususnya di luar negara, masa bersama keluarga yang terhad... namun saya tetap bersyukur kerana dipinjakan Allah SWT seorang suami yang cukup memahami dan bersedia menjaga anak sepanjang ketiadaan saya.

"Setakat ini saya dapat menguruskan masa dengan sebaiknya. Selain keluarga yang turut menjadi kekuatan buat saya termasuk kakitangan saya sendiri dan sahabat handai," katanya.

Kata Emy, sebolehnya dia mahu sentiasa menunjukkan semangat juang dan profesionalisme yang tinggi dalam apa saja yang dilakukan tidak kira membabitkan kerjaya, perniagaan mahupun kehidupan.

"Saya sentiasa cuba kekal positif dan berusaha menenangkan diri dalam kalangan orang yang positif, mengamalkan sesi perbincangan dengan kakitangan untuk membuat keputusan yang terbaik.

"Paling penting, saya selalu ingatkan diri, jangan bandingkan apa yang kita tiada dengan apa yang orang lain ada kerana semua orang punya kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri. Sentiasa bersyukur dengan apa saja bentuk rezeki yang kita dapat. Sedikit pun syukur, banyak pun bersyukur," katanya.